SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

27 Disember 2019

# Hadiah Sastera Singapura 2020: Panggilan untuk Penyertaan

Hadiah Sastera Singapura ialah hadiah sastera yang unggul di Singapura lakini dibuka untuk penyertaan sehingga 31 Januari 2020, 5 petang. Senarai pendek bagi SLP 2020 akan diumumkan pada penghujung Julai 2020. Pemenang hanya akan diumumkan di acara penganugerahan pada awal September 2020.

**Kategori SLP 2020**

- Fiksyen: Cina, Inggeris, Melayu, Tamil
- Puisi: Cina, Inggeris, Melayu, Tamil
- Bukan fiksyen kreatif: Cina, Inggeris, Melayu, Tamil

Hadiah tertinggi bernilai S$10,000 dianugerahkan kepada pemenang dalam setiap kategori. Pemenang juga akan menerima sebuah piala ditempah khas.

Penerima Hadiah Sastera Singapura terdahulu terdiri daripada para penulis tersohor seperti 英培安 (Yeng Pway Ngon), Mohamed Latiff Mohamed, Kanagalatha, Suchen Christine Lim, Simon Tay, serta penerbit generasi baharu termasuk Sonny Liew dan Amanda Lee Koe.

**Kriteria Aplikasi**

(1) Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap Singapura yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada 31 Disember 2018.

(2) Setiap penyertaan mestilah sebuah karya asli.

(3) Karya mesti diterbitkan antara 1 Januari 2018 dan 31 Disember 2019.

(BERSAMBUNG)

(4) Hanya karya yang telah diterbitkan akan diterima. Untuk layak, karya mesti diterbitkan dalam bentuk buku fizikal dan boleh diperoleh untuk edaran komersial umum. Buat masa ini, e-buku dan buku audio tidak akan dipertimbangkan untuk anugerah ini.

Pemohon boleh menghantar penyertaan mereka melalui laman berikut:
https://bookcouncil.sg/awards/singapore-literature-prize-malay

Untuk maklumat lanjut berkenaan media, sila hubungi:
Ethan Leong | ethan@bookcouncil.sg | +65 6342 5122

(SELESAI)

**Singapore Book Council Limited** (Company No.: 201805935W)
90 Goodman Road, Blk E #03-32, Goodman Arts Centre Singapore 439053 |+65 6342 5119
info@bookcouncil.sg | www.bookcouncil.sg